

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 22

## Perbincangan perlu ambil kira persaingan serantau

### Kajian separuh penggal RMK-12

## Perbincangan perlu ambil kira persaingan serantau

**Perbincangan** mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK-12) perlu mempertimbangkan kedudukan strategik Malaysia di tengah-tengah persaingan serantau, kata Bank Islam Bhd.

Ketua Ahli Ekonominya, Firdaos Rosli, berkata ia adalah mustahil untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi sambil mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi.

"Kita tidak seharusnya melihat KSP secara berasingan kerana kita tidak mampu untuk 'membina semula' Malaysia yang lebih baik dengan langkah yang kurang berkesan," katanya pada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12): Wawasan Ekonomi Malaysia.

Firdaos berkata, berdasarkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-ba-

ru ini, bank itu menjangkakan pentadbirannya berhasrat untuk mengekalkan rantaian wang kerajaan seketar mungkin di tengah-tengah kelembapan ekonomi global pada 2023.

Beliau berkata, ini menjadikan perbelahan kerana penjimatan tidak boleh menjadi jawapan kepada pertumbuhan sederhana.

"Kita mesti melabur untuk masa depan. Kami menjangkakan permainan politik akan berterusan daripada semua pihak memandangkan pilihan raya kecil dan negeri yang akan datang, dibantu pendemokrasian media.

"Walaupun perjuangannya selama berdekad untuk menyandang jawatan Perdana Menteri akhirnya berakhir, tugas sukar baru sahaja bermula," katanya.

Ahli Ekonomi itu berkata, ke makmuran Malaysia hari ini hasil daripada tahap pelaburan yang tinggi sebelum Krisis Ke-

wangan Asia.

#### Elaik bernostalgia

Beliau berkata, ekonomi global hari ini tidak seperti pada masa lalu, jadi negara harus mengelab dari pada bernostalgia dengan kegemilangan masa lalu dan perlu bergerak ke hadapan.

"Untuk mengekalkan kadar pertumbuhan masa depan, kita harus berhati-hati dengan penu-

ranan eksport bersih kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pelaburan," katanya.

Beliau berkata, peningkatan pendapatan adalah faktor, jadi peningkatan teknologi adalah kunci untuk mendorong pelaburan lebih tinggi pada tahun akan datang, manakala pelaburan awam akan ketinggalan apabila ekonomi semakin besar.

"Namun, kami yakin prospek pelaburan Malaysia di tengah-tengah projek mega yang sedang berjalan," katanya.

Beliau berkata, antara projek itu ialah Laluan Rel Pantai Timur, Lebuhraya Pan-Borneo dan MRT3 dan ratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik.

Firdaos berkata, walaupun pelaburan langsung asing di Malaysia masih memberangsangkan, bahagian pelaburan berbanding negara jiran Malaysia semakin berkurangan.

Sementara itu, beliau berkata, Bank Islam menjangkakan pertumbuhan KDNK sebenar Malaysia mencapai 8.1 peratus bagi tahun kewangan 2022.

"Kami menjangkakan pertumbuhan sederhana pada tahun mendatang kepada sekitar 4.5-4.7 peratus dalam tempoh baki RMK12," katanya. BERNAMA

Untuk mengekalkan kadar pertumbuhan masa depan, kita harus berhati-hati dengan penurunan eksport bersih kepada KDNK dan pelaburan

Firdaos Rosli,  
Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam

